

## Reaksi Orang Melayu Terhadap Pelaksanaan Dasar Tanah Padi Kolonial di Kedah, 1917-1932

### *Malay Reaction Towards The Implementation of The Colonial Rice Land Policies In Kedah, 1917-1932*

NURIZWANFAIZI NORDIN & AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD RUS\*  
*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM),  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia*  
Corresponding author: akamal@um.edu.my

Received: 7 November 2022    Accepted: 26 March 2023

#### Abstrak

Kegiatan penanaman padi adalah sinonim dengan orang Melayu Kedah sehingga ke hari ini. Hal ini kerana padi merupakan punca utama kehidupan sebahagian besar orang Melayu di negeri tersebut sejak zaman berzaman. Menariknya, penguasaan British ke atas Kedah mulai tahun 1909 menyaksikan bahawa buat pertama kalinya dalam sejarah Kedah, orang Melayu secara eksplisit telah ditekan oleh kerajaan untuk terus kekal dalam kegiatan tersebut. Keadaan ini dapat dinilai dengan jelas dengan permulaan pelaksanaan dasar-dasar tanah padi yang ketat, khususnya dalam tempoh 1917-1932. Fokus kajian ini adalah pertama, menilai pelaksanaan dasar-dasar tanah padi dalam jangka masa berkenaan. Kedua, menganalisis bentuk reaksi orang Melayu dalam isu ini. Bagi menjawab kedua-dua persoalan ini, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberi fokus kepada fail-fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah dan Laporan-laporan Tahunan Negeri Kedah. Berdasarkan kepada penelitian terhadap pelaksanaan dasar-dasar tanah padi oleh pentadbiran tanah Kedah serta bentuk reaksi orang Melayu kepada kerajaan dalam tempoh 1917-1932, pengimplimentasian dasar-dasar tanah padi telah mengekalkan orang Melayu dalam kegiatan tradisi tersebut. Malangnya, sebahagian besar masyarakat Melayu telah menerima kesan negatif. Golongan bawahan dihalang oleh kerajaan daripada membuka dan mengerjakan tanah mereka secara bebas, dan terpaksa berhadapan dengan risiko tindakan tegas kerajaan sekiranya gagal menuruti dasar-dasar yang telah ditetapkan. Sebaliknya golongan elit Melayu dapat meneruskan pembolotan tanah padi akibat dasar kerajaan yang mengekalkan keistimewaan mereka dalam pemilikan tanah.

Kata kunci: tanah padi; orang Melayu; Pejabat Tanah; Enakmen Tanam Padi; Enakmen Tanah Bendang

#### Abstract

Rice-planting is synonymous with the Kedah Malays to present times. Paddy is the lifeblood of the majority of Malays in the state for ages. Interestingly, British control over Kedah since 1909 witnessed how, for the first time in Kedah history, the Malays were explicitly compelled by the government to remain in this activity. This new arrangement was clearly evident with the implementation of strict rice-land policies, especially throughout the period 1917-1932. The focus of this research is twofold: firstly, to evaluate the implementation of rice land policies during the period in question, and secondly, to analyse Malay form of reaction to this issue. To answer both questions, this study uses the qualitative method by focusing on Kedah State Secretary Files and the State of Kedah Annual Reports. Based on the analysis of implementation of rice land policies by the Kedah land administration, and the

ensuing Malay reaction towards the government in 1917-1932, the implementation of these rice land policies ensured Malay retention in this traditional activity. Unfortunately, a large number of Malays suffered negative effects from these policies. The lower classes were proscribed by the government from opening and working their land as they please, and risked harsh government penalties for failure to adhere to the set policies. In contrast, the Malay elites continued their monopoly of rice lands due to government policy of maintaining their land-owning privileges.

Keywords: paddy land; Malays; Land Office; Paddy Planting Enactment; Rice Lands Enactment

## Pendahuluan

Tanah padi<sup>1</sup> membentuk bahagian terbesar dalam penggunaan tanah pertanian di Kedah. Pada era kolonial, pemilikan dan pengusahaan tanah padi di Kedah mengalami perubahan ketara berbanding amalan sebelumnya, kesan daripada pemodenan pentadbiran tanah yang diperkenalkan oleh British selepas tahun 1909. Sebelum tahun 1909, amalan pemilikan dan pengusahaan tanah padi adalah begitu ringkas di mana undang-undang tanah tradisional memberikan kebebasan yang luas kepada orang Melayu untuk membuka dan memiliki tanah padi sesuai dengan kadar kemampuan kudrat mereka. Dari sudut kuasa Kerajaan Kedah tradisional terhadap rakyatnya dalam hal ehwal tanah, orang Melayu ketika itu tertakluk kepada hubungan *patron-client* di mana masyarakat Melayu bawahan perlu memberikan khidmat tenaga mereka kepada pemerintah (golongan elit Melayu) melalui sistem kerah, manakala golongan elit Melayu memberikan naungan dan perlindungan sebagai balasan kepada perkhidmatan dan kesetiaan yang diberikan.<sup>2</sup> Istimewanya, golongan elit Melayu adalah bebas memiliki tanah tanpa sebarang bentuk bayaran cukai dan boleh pula mengerahkan orang Melayu bawahan untuk membuka dan membersihkannya secara percuma. Bagaimanapun, selepas bermulanya sistem Penasihat British di Kedah, berlaku perkembangan dasar Kerajaan Kedah terhadap tanah padi yang memberikan kesan yang begitu signifikan kepada orang Melayu di Kedah seluruhnya. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui perkembangan yang berlaku antara tahun 1917 hingga tahun 1932.

Soal dasar tanah padi dalam tempoh 1917-1932 dan kesannya kepada orang Melayu, khasnya dalam aspek pemilikan tanah penting untuk dijelaskan bersandarkan kepada tiga konteks teras dalam kerangka perubahan sosial orang Melayu di Kedah. Pertama, jangka masa antara permulaan penguasaan British (1909) hingga meletusnya Perang Dunia Kedua (1941) merupakan tempoh transasi kepada kehidupan orang Melayu di Kedah. Modenisasi pentadbiran tanah Kerajaan Kedah yang bermula di peringkat atas telah membawa kesan besar ke peringkat bawah, termasuklah perubahan nilai tanah. Interaksi orang Melayu dengan tanah mula bertukar corak, apabila setiap pembukaan dan pemilikan tanah perlu didaftarkan dan direkodkan oleh Jabatan Tanah. Menurut Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, amalan tradisi orang Melayu dalam pemilikan tanah di Kedah dapat dimodenkan dalam tempoh yang singkat (1909-1917) hasil daripada kejayaan reformasi pentadbiran tanah Kedah.<sup>3</sup> Ketika ini, para pelabur asing mula memasuki Kedah untuk bergiat dalam penanaman tanaman komersial lantas menjadikan tanah lebih berharga. Tanah kini menjadi harta yang bertambah penting dari sudut kewangan kerana mempunyai nilai baharu yang boleh digadai dan dijual beli. Mahani Musa yang menjalankan kajian mengenai wanita Melayu dan tanah di Kedah menjelaskan bahawa sekiranya tanah tidak dapat dijadikan sebagai punca rezeki, ia akan dijual, dipajak, disewa atau digadai.<sup>4</sup>

Kedua, di sebalik perkembangan yang berlaku, orang Melayu tidak menerima faedah menyeluruh daripada pemodenan pentadbiran tanah apabila mereka disekat daripada memilih corak kegiatan pertanian yang dimahukan. Walaupun pemodenan pentadbiran tanah pada peringkat awal (1909-1917) membolehkan orang Melayu membuka dan memiliki tanah secara bebas dengan syarat mendaftar pemilikan dan membayar cukai tanah pada waktu yang ditetapkan, namun mulai tahun 1917, orang Melayu khususnya golongan bawahan, tidak memiliki kebebasan dalam memiliki dan mengusahakan tanah menurut kehendak mereka. Keadaan ini terjadi apabila Kerajaan Kedah mula mengetatkan pemilikan tanah orang Melayu dengan memaksakan penanaman padi menerusi pelaksanaan dasar tanah padi secara langsung melalui penguatkuasaan undang-undang, mahupun secara tersirat melalui amalan pentadbiran. Orang Melayu bawahan yang bergantung hidup dengan pengusahaan tanaman ini mula terikat dengan dasar tanah padi dan disekat daripada membuka tanah getah yang lebih menguntungkan.

Ketiga, golongan elit Melayu Kedah pula dilindungi daripada kesan negatif pemodenan tanah apabila kedudukan mereka dalam pemilikan tanah dijamin kerajaan dengan pelaksanaan enakmen-enakmen yang memberi kelebihan kepada golongan ini dalam aspek permohonan dan pencukaaian tanah padi. Keadaan ini berlaku kerana kedudukan elit Melayu yang kuat dalam pentadbiran Kerajaan Kedah, termasuklah di peringkat Majlis Negeri (MN). Sharom Ahmat berpandangan bahawa Kedah (elit Melayu) bersikap pragmatik dalam interaksinya dengan British di peringkat awal penguasaan kuasa kolonial itu, lantas berjaya mengekalkan kuasa mereka serta sifat kemelayuan negeri ini.<sup>5</sup> Namun dari satu sudut yang lain, orang Melayu bawahan terpaksa berhadapan dengan kesan negatif dasar tanah padi yang tidak memihak kepada mereka.

### **Pengenalan Pendaftaran dan Pencukaaian Tanah Padi**

Pada tahun-tahun awal penguasaan British di Kedah, pihak kolonial meneruskan penggunaan Enakmen Tanah Tahun 1324 Hijrah (1906) atau *Kedah Land Enactment 1324* yang telah dibentuk ketika kehadiran Penasihat Kewangan Siam di Kedah sebelumnya (1905-1909). Enakmen ini mula berkuatkuasa pada 29 Jamadilakhir 1324 Hijrah (Ogos 1906) dan mengandungi lima bahagian (13 seksyen) merangkumi pemilikan dan penggunaan tanah Negeri Kedah serta pencukaianya. Peraturan lama mengenai hak pemilikan tanah yang digunakan sebelum penguatkuasaan enakmen ini dibatalkan setelah peraturan baharu ini berjalan, seterusnya pemilikan tanah didaftarkan di bawah satu dokumen pemilikan tanah utama. Oleh itu, memandangkan pihak British sudah memiliki enakmen tanah yang moden ketika mula berkuasa di Kedah, proses pemodenan dapat dilakukan dengan lancar. Pentadbiran dalam Jabatan Tanah Kedah dirombak menurut model pentadbiran Jabatan Tanah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang sudah diuji keberkesannya oleh para pentadbir British dan seorang Penasihat Tanah dilantik bagi menasihati Kerajaan Kedah dalam pemodenan jabatan berkenaan. Pada peringkat awal ini, Jabatan Tanah lebih mengutamakan dasar mewajibkan pendaftaran pemilikan semua jenis tanah di Kedah untuk menyediakan asas yang kukuh bagi pencukaaian tanah. Lanjutannya, usaha untuk merekod dan memetakan kawasan tanah padi telah dimulakan di Kedah. Kerajaan Kedah turut bertindak mengambil alih beberapa buah terusan bagi memusatkan kawalan kerajaan terhadap kawasan yang pernah dimiliki para pembesar tradisional dan untuk melindungi kewujudan tanah padi di kawasan berkenaan.<sup>6</sup>

Mulai tahun 1329 Hijrah (1911), permohonan tanah padi oleh orang Melayu perlu melalui proses permohonan yang telah ditetapkan Pejabat Tanah, diikuti oleh kerja-kerja ukur yang dikendalikan oleh Jabatan Ukur. Memandangkan peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Tanah Tahun 1324 Hijrah (1906) tidak bersesuaian dengan kehendak pihak kolonial yang mahukan kewujudan undang-undang tanah yang lebih komprehensif, Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah (1914) yang lebih lengkap dari sudut pemilikan dan pencukaian tanah telah dibentuk dan dikuatkuasakan. Enakmen ini memperuntukkan beberapa seksyen yang melibatkan tanah padi. Kadar 60 sen serelong<sup>7</sup> dikenakan setiap tahun bagi tanah bendang (tanah padi sawah), kampung, dan dusun. Manakala \$1.50 perlu dijelaskan bagi pemilik tanah getah, kelapa, dan tanaman komersial yang lain. Kadar cukai tanah padi yang rendah ini menunjukkan kepentingan tanaman padi sebagai teras kehidupan masyarakat Melayu. Seksyen 97 memberikan kebenaran kepada orang Melayu untuk menyemai benih padi (padi nursery) di atas tanah kerajaan tanpa mengambil pas dengan syarat ianya tidak melebihi keluasan 50 jemba.<sup>8</sup> Seksyen 99 pula membenarkan mana-mana individu yang berminat menanam padi huma mendapatkan lesen ladang bagi membolehkan mereka mengerjakan tanah berkenaan.<sup>9</sup>

Penguatkuasaan Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah (1914) ini membuka laluan kepada Kerajaan Kedah untuk menyelaraskan beberapa enakmen berkaitan tanah yang telah diluluskan sebelumnya. Hal ini kerana, enakmen-enakmen sebelumnya hanya terfokus kepada aspek-aspek yang terpisah antara satu sama lain seperti pencukaian dan pendaftaran tanah. Oleh itu, kewujudan Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah (1914) telah menyeragamkan penguatkuasaan undang-undang melibatkan tanah padi secara menyeluruh, meliputi pengeluaran pas-pas pendudukan tanah, pas-pas ladang, pendaftaran tanah dan penetapan nilai minimum tanah padi.<sup>10</sup> Memandangkan ketika itu (1909-1917) fokus Jabatan Tanah lebih tertumpu pemodenan pendaftaran dan pencukaian tanah, secara dasarnya orang Melayu masih dibenarkan membuka dan mengerjakan tanah padi secara bebas dengan syarat perlu melakukan permohonan tanah dengan betul serta melakukan pembayaran cukai dan sewa tanah setiap tahun.

Walaupun sistem kerah ditamatkan oleh British sejurus penguasaan mereka ke atas Kedah pada tahun 1909, keistimewaan yang dinikmati golongan elit Melayu iaitu Kerabat Diraja Kedah sejak era tradisional dalam pemilikan tanah, di mana mereka boleh mendapatkan tanah secara bebas dalam keluasan besar, dikekalkan pula oleh Kerajaan Kedah apabila Enakmen Pengecualian Hasil Tanah Tahun 1332 Hijrah (*The Land Revenue Exemptions Enactment, 1332 Hijrah*) dikuatkuasakan pada Oktober 1914.<sup>11</sup> Golongan ini dikecualikan daripada cukai tanah untuk tanah semaksimum 500 relong, sekaligus menyebabkan mereka ini tidak terikat dengan arahan pembayaran cukai tanah tahunan; termasuklah tanah padi yang mereka miliki. Melalui keistimewaan yang telah mendapat perlindungan undang-undang ini, yang disebut sebagai “Jalan Kerabat”<sup>12</sup>, golongan elit Melayu memiliki hak untuk mendapatkan tanah sehingga seluas 500 relong secara percuma, serta hanya perlu membayar separuh kos kerja ukur ketika pengukuran dijalankan oleh Jabatan Ukur.

Untuk mendapatkan tanah yang dimahukan, golongan elit Melayu hanya perlu melakukan permohonan Kepala Pekerjaan Tanah yang selanjutnya akan mengarahkan Pejabat Tanah untuk melakukan penyiasatan ke atas tanah yang dikehendaki dan melaporkannya kepada pihak *Land Alienation Board* untuk pertimbangan.<sup>13</sup> Kebiasaannya pihak MN akan meluluskan permohonan tanah elit Melayu dengan mudah apabila mendapat sokongan daripada Kepala Pekerjaan Tanah dan Penasihat Tanah. Keutamaan untuk kerja-kerja ukur dan pemrosesan permohonan dan pendaftaran tanah juga didahulukan kepada golongan elit

Melayu.

### **Perkembangan Dasar Tanah Padi, 1917-1932**

Antara tahun 1909 hingga 1917, pihak British hanya memberikan tumpuan kepada pembentukan pentadbiran tanah Kedah yang efisien serta mewujudkan proses pendaftaran dan pencukaaian tanah yang cekap. Namun, jangka masa 1917-1932 pula merupakan tahun-tahun yang menyaksikan perkembangan drastik dalam pelaksanaan dasar tanah padi oleh Kerajaan Kedah. Sehubungan itu, jangka waktu ini juga memperlihatkan reaksi masyarakat Melayu yang tidak kurang agresifnya sebagai tindak balas kepada perubahan dan tekanan yang berlaku. Proses ini dimulai dengan pembentukan dan penguatkuasaan dua enakmen khusus melibatkan pemilikan tanah padi oleh MN iaitu Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) dan Enakmen Tanah Bendang Tahun 1336 Hijrah (1917).

Enakmen-enakmen ini berperanan melengkapkan pelaksanaan dasar-dasar tanah padi oleh Kerajaan Kedah untuk mencapai dua objektif utama, iaitu pertama, memastikan pengendalian status tanah padi sedia ada dan kedua, menambahkan jumlah pengeluaran padi di negeri tersebut. Pengenalan kedua-dua enakmen ini adalah mustahak pada pandangan Kerajaan Kedah dalam menghalang orang Melayu daripada beralih kepada tanaman getah, sekaligus mengabaikan atau meninggalkan kegiatan penanaman padi. Kerajaan Kedah, khususnya para pegawai kolonial ketika itu begitu gusar sekiranya orang Melayu mula bertindak meninggalkan penanaman padi dan menumpukan perhatian kepada tanaman getah yang mula berkembang pada awal abad ke-20 di negeri tersebut. Petikan dalam Laporan Tahunan Kerajaan Kedah Tahun 1335 Hijrah (1916-1917) telah menggambarkan keutamaan tanaman padi dan peri pentingnya kerajaan menghalang orang Melayu daripada bertukar minat kepada tanaman getah:

*Efforts have been made to prevent the destruction of old kampongs in the rush to plant rubber and a certain amount of success has attended these efforts. The padi harvest was moderately good. During the present season it is reported that more land has been planted than in the two preceding years. The tendency to abandon padi land has therefore, temporarily at any rate been checked.<sup>14</sup>*

#### ***Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917)***

Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) telah dikuatkuasakan pada 12 Rabiulakhir 1335 Hijrah (Februari 1917).<sup>15</sup> Antara kandungan utama Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) ini ialah, menetapkan tugas Pegawai Daerah bersama-sama para Penghulu untuk menentukan tarikh permulaan pengusahaan tanah bendang.<sup>16</sup> Sekiranya tiada hujan, Pegawai Daerah perlu menetapkan suatu tarikh lain untuk orang Melayu memulakan pengusahaan bendang. Pindaan tarikh yang dibuat ini wajib dilaporkan oleh Pegawai Daerah kepada MN.<sup>17</sup> Selain tanggungjawab pihak berkuasa daerah, peranan petani secara individu untuk membersihkan dan memulakan penanaman padi turut ditekankan dalam enakmen ini. Seksyen 5 menyebut mengenai tanggungjawab orang Melayu yang memiliki atau mengusahakan tanah bendang dengan menyatakan:

*The owner or occupier of any bendang land shall commence the the clearing of the same not less than 14 days after the date prescribed for the beginning of the the prepatation of the nursery. Such clearing must be entirely completed within three months. Any owner or occupier who has not completely within three months. Any owner or occupier who has not completely cleared his land within the prescribed time shall be liable on conviction before a Magistrate to a fine which shall not be less than \$5 in respect of every relong not so cleared.*<sup>18</sup>

Selain itu, mereka dikehendaki membersihkan kawasan pinggir tanah bendang. Selanjutnya, Seksyen 6 menyatakan bahawa sekiranya denda tidak dibayar dalam masa tujuh hari, Penghulu dengan persetujuan Pegawai Daerah boleh membenarkan mana-mana individu untuk membersihkan tanah bendang, mengusaha serta menuai hasilnya untuk kegunaan sendiri.<sup>19</sup> Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) turut menyatakan tanggungjawab para petani secara kolektif iaitu membina pagar bagi melindungi kawasan tanaman padi serta mengorek dan memperbaiki saliran air. Para petani boleh didenda jika didapati tidak mematuhi enakmen ini.

Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) ini kemudian telah dipinda oleh MN pada tahun 1338 Hijrah (1919-1920) melibatkan Seksyen 3 yang telah diberikan penambahan baharu iaitu tarikh permulaan pengusahaan tanah bendang yang dipersetujui oleh Pegawai Daerah perlu dilaporkan kepada MN.<sup>20</sup> Pindaan ini menunjukkan perhatian serius MN dalam memantau aktiviti penanaman padi oleh masyarakat Melayu. Manakala Seksyen 4 menyatakan bahawa hasil tuaian padi perlu dibahagikan secara sama rata antara pemilik tanah bendang dan individu yang mengusahakannya. Manakala kegagalan membayar denda dalam tempoh tujuh hari membolehkan Penghulu (dengan persetujuan Pegawai Daerah) untuk membenarkan mana-mana individu lain untuk menduduki dan mengusahakan tanaman padi di atasnya untuk jangka masa satu tahun.<sup>21</sup>

Pindaan dan penambahan baharu ini sedikit berbeza dengan kandungan enakmen tersebut sebelumnya yang tidak menetapkan jangka masa pendudukan tanah oleh mereka yang diberikan hak pengusahaan tanah bendang oleh Penghulu. Manakala denda yang dikenakan akibat kegagalan membersihkan tanah dan menanam padi akan digunakan oleh Penghulu bagi mengupah tenaga kerja yang ditetapkan. Hasil padi pada tahun berkenaan akan dibahagi sama rata antara pemilik tanah dan individu yang membersihkan dan menanam padi di atasnya. Jumlah denda yang dikenakan kerajaan kepada pemilik tanah bendang yang melanggar syarat-syarat yang termaktub dalam Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) juga telah dinaikkan.

### ***Enakmen Tanah Bendang Tahun 1336 Hijrah (1917)***

Setelah menguatkuasakan Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) yang mewajibkan para petani mengusahakan tanaman padi, pada akhir tahun 1917, Kerajaan Kedah mengambil satu lagi langkah, selaras dengan dasar tanah padi yang sedang dijalankan di NNMB. Ketika itu pentadbiran NNMB telah menguatkuasakan Enakmen Tanah Padi 1917 untuk memastikan orang Melayu yang memiliki tanah padi tidak menanam tanaman selain padi di atas tanah mereka.<sup>22</sup> Kerajaan Kedah mencontohi dasar yang serupa apabila menguatkuasakan Enakmen Tanah Bendang Tahun 1336 Hijrah (1917) pada Disember 1917.<sup>23</sup> Namun, berbeza dengan Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) yang menuntut para pemilik tanah

padi untuk mengusahakan bendang pada waktu yang ditentukan oleh kerajaan, Enakmen Tanah Bendang 1336 Hijrah (1917) menetapkan bahawa tanah yang berstatus tanah padi dan tanah kampung hanya boleh ditanam dengan padi dan sayuran-sayuran. Manakala sebarang jenis tanaman lain tidak dibenarkan sama sekali untuk diusahakan di atas tanah padi.<sup>24</sup> Rasional Enakmen Tanah Bendang ini digubal dan dilaksanakan adalah bermatlamat untuk memastikan tanah padi ditanam dengan tanaman padi sahaja dan bukannya tanaman komersial lain, termasuklah getah. Lebih menarik lagi, terdapat seksyen dalam enakmen ini yang mewajibkan penanaman padi di atas tanah yang tidak berstatus tanah padi atau tidak dinyatakan statusnya di dalam dokumen pemilikan tanah, dengan syarat tanah berkenaan terletak bersebelahan dengan tanah yang ditanam dengan padi. Memetik sebahagian Seksyen 4 Enakmen Tanah Bendang, ia menyatakan:

“... maka menurut Undang-undang ini akan surat keterangan itu mahu-lah di-jalankan dengan syarat-nya tanah itu mahu-lah digunakan di-gunakan bagi tanaman yang semacam jenis-nya dengan yang di-tanam di-tanah-tanah yang seperenggan dengan-nya dan tanah yang telah di-beri oleh Keraja'an itu mahu-lah di-pakai kata di-berikan-nya bagi maksud pada menanam tanaman yang tersebut itu sahaja”.<sup>25</sup>

Namun demikian, terdapat sedikit kelonggaran apabila Seksyen 8 memperuntukkan bahawa pemilik tanah boleh mengemukakan rayuan atau petisyen kepada Kepala Pekerjaan Tanah atau Penolong Kepala Pekerjaan Tanah. Kedua-dua pegawai kanan Jabatan Tanah ini memiliki budi bicara untuk mengecualikan tanah para perayu daripada terikat dengan enakmen ini. Bagaimanapun, Seksyen 9 pula menetapkan pelepasan bersandarkan kepada dua syarat sahaja, iaitu pertama, tanah berkenaan diberikan kerajaan dengan syarat untuk ditanam dengan tanaman jenis lain dan kedua, tanah tersebut tidak sesuai untuk tanaman padi. Bagi menguatkan autoriti kerajaan dalam hal ini, Seksyen 12 menegaskan bahawa tidak boleh membawa sebarang pengaduan ke atas Kerajaan Kedah di mana-mana mahkamah berhubung sebarang isu yang berbangkit dalam pelaksanaan enakmen ini. Manakala tanah-tanah yang terletak dalam kawasan Lembaga Kebersihan Bandar (*Sanitary Board*) serta tanah-tanah sepanjang jalan raya dalam jarak satu relong dari pinggiran jalan yang digunakan untuk membuat rumah dan kampung tidak tertakluk dalam enakmen ini.<sup>26</sup>

Berdasarkan kepada matlamat kedua-dua enakmen yang telah dikuatkuasakan mulai tahun 1917 ini, adalah jelas bahawa Kerajaan Kedah menggunakan undang-undang untuk memastikan para pemilik tanah padi di Kedah untuk terus kekal dalam kegiatan penanaman padi. Di samping melindungi kewujudan tanah padi sedia ada, enakmen-enakmen berkenaan secara eksplisitnya menghalang sebarang jenis tanaman lain daripada diusahakan di atas tanah padi. Oleh itu, bermula pada tahun berkenaan juga, orang Melayu disekat secara undang-undang daripada terlibat dalam kegiatan penanaman getah yang lebih menguntungkan. Memandangkan tanaman padi ketika itu begitu bergantung kepada bekalan air yang mencukupi dan keadaan cuaca yang memuaskan bagi menghasilkan tuaian padi yang baik, ia mendatangkan risiko yang besar kepada orang Melayu yang mengusahakan tanaman ini. Keadaan ini menjadi serius apabila berlaku bencana kemarau yang menyaksikan penderitaan ramai orang Melayu bawahan pada penghujung dekad 1920-an ekoran tanaman padi yang tidak menjadi. Tambahan pula, bagi orang Melayu yang tidak mempunyai sumber pendapatan lain selain tanaman padi, mereka terpaksa pula berhadapan dengan tuntutan cukai tanah yang perlu dijelaskan setiap tahun.

### ***Pencukaaian Tanah Padi***

Dari aspek pencukaaian tanah padi, pada tahun 1917, Kerajaan Kedah meneruskan dasar pencukaaian sedia ada yang diperkenalkan sebelumnya. Pada tempoh 1917-1932, pentadbiran Jabatan Kedah menjadi lebih efisien dan cekap berbanding dengan tempoh sebelumnya hasil daripada modenisasi yang berlaku. Oleh itu penguatkuasaan pembayaran cukai tanah padi ke atas masyarakat Melayu menjadi lebih efektif. Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah (1914) menetapkan bahawa cukai tanah padi adalah antara 30 sen hingga 50 sen serelong bagi tanah yang tidak melebihi 20 relong. Manakala, bagi tanah getah dan kelapa dikenakan cukai sebanyak \$1 serelong.<sup>27</sup> Walaupun secara relatifnya, cukai tanah yang dikenakan bagi tanah padi adalah lebih rendah berbanding dengan tanah yang ditanam dengan getah, ia tidak mencegah risiko kehilangan tanah akibat kegagalan orang Melayu membayarnya pada masa yang ditetapkan kerajaan. Dalam beberapa keadaan, pengecualian pembayaran sewa tanah diberikan kerajaan kepada orang Melayu yang tidak dapat membayarnya, namun ia biasanya berlangsung dalam tempoh yang sangat singkat. Pengecualian yang diberikan ini sebenarnya bertujuan untuk menambah pengeluaran makanan. Misalnya orang Melayu di Padang Terap pada tahun 1340 Hijrah (1921-1922) mendapat pengecualian sewa tanah oleh Pejabat Tanah untuk tanah ladang (penanaman padi huma). Bagaimanapun, pengeluaran lesen ladang ini dikecualikan sewa tanah hanya untuk tempoh setahun (1340 Hijrah [1921-1922]) dan terhad kepada keluasan lima relong tanah sahaja.<sup>28</sup> Secara dasarnya, amalan kutipan cukai tanah didapati bertambah keras dari masa ke masa. Keadaan ini jelas dalam kenyataan Setiausaha Kerajaan Kedah yang menyatakan pandangannya bahawa: "... patot di-kerasi sedikit di-atas raayat2 mana kata lepas ambil padi".<sup>29</sup>

Kerajaan Kedah telah menuruti langkah NNMB apabila meluluskan Enakmen Tanah Simpanan Melayu 1340 Hijrah (1921-1922) di Kedah yang turut menyentuh mengenai kadar pencukaaian tanah padi. Seksyen 8 (i) Enakmen Tanah Simpanan Melayu memberikan kuasa kepada MN menentukan *quit-rents* pada mana-mana tanah dalam Simpanan Melayu.<sup>30</sup> Cukai bagi tanah yang terkandung di bawah Tanah Simpanan Melayu bagi kawasan berkeluasan tidak melebihi 20 relong ditetapkan dalam bahagian Peraturan (*Rules*) Enakmen Tanah Simpanan Melayu 1340 Hijrah (1921-1922). Untuk tanah bendang di mukim-mukim yang termasuk dalam Jadual 4 Enakmen Tanah 1332 Hijrah (1914), cukai tanah yang dikenakan ialah sebanyak 50 sen serelong. Tanah bendang dalam mukim-mukim yang tersenarai dalam Jadual 5 Enakmen Tanah 1332 Hijrah (1914) pula hanya dikenakan cukai tanah pada jumlah 30 sen serelong.<sup>31</sup>

Bagaimanapun, kadar cukai yang dikenakan adalah sama sahaja antara tanah padi dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu dengan tanah padi di luarnya. Namun yang membezakannya ialah tanah di bawah kategori Tanah Simpanan Melayu ini tidak dapat dijual kepada orang asing sahaja. Ia sama sekali tidak menghalang tanah padi daripada dilelong kerajaan sekiranya pemiliknya gagal membayar cukai tanah dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan itu, dasar pencukaaian tanah padi sememangnya memberi ancaman kepada sekuriti pemilikan tanah orang Melayu, lebih-lebih lagi apabila tuaian padi yang diperolehi merosot pada tahun-tahun tertentu, lantas mengakibatkan para pemilik tanah padi yang terjejas berhadapan dengan masalah kewangan untuk melakukan pembayaran cukai tanah.



### ***Penguatkuasaan Peraturan-peraturan Penanaman Padi***

Penguatkuasaan peraturan-peraturan penanaman padi di Kedah sepanjang tempoh 1917-1932 menonjolkan sikap Kerajaan Kedah yang bersungguh-sungguh untuk mengekalkan orang Melayu dalam kegiatan ekonomi ini. Hal ini dapat diperhatikan melalui tindak-tanduk kerajaan dalam memantau, menyelia dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan. Bahkan arahan-arahan secara pentadbiran dikeluarkan dari masa ke masa oleh MN dan Jabatan Tanah bagi mencapai tujuan berkenaan. Misalnya dalam pelaksanaan Enakmen Tanam Padi 1335 Hijrah (1917), ia tidak dilaksanakan secara serentak di semua daerah di Kedah kerana ia perlu mengikut budi bicara MN selepas mendapat laporan berkaitan daripada Pegawai Daerah. Sebagai contoh, MN telah meluluskan penguatkuasaan enakmen ini di Daerah Padang Terap dan Langkawi pada 28 April 1917.<sup>32</sup>

Campurtangan pegawai British dalam hal ehwal tanah padi kadangkala memperlihatkan sikap penilaian yang tidak saksama terhadap orang Melayu yang memiliki tanah padi. Sebagai contoh, pada 12 Jun 1926, Jurutera Negeri melaporkan kepada Penasihat British mengenai keadaan tanah padi di sepanjang kawasan Skim Pengairan Kodiang-Sanglang yang tidak diusahakan oleh para pemiliknya. Beliau mengesyorkan kepada Penasihat British agar memberi tekanan kepada para pemilik tanah bendang berkenaan.<sup>33</sup> Tanpa penyiataan lanjut, Penasihat Tanah memaklumkan kepada Penolong Penasihat British bahawa (berdasarkan peruntukan undang-undang) Pegawai Tanah tidak boleh berbuat apa-apa kecuali ia melibatkan tanah bendang yang tidak diusahakan selama tiga tahun. Selanjutnya, Penasihat Tanah meminta Penolong Penasihat British agar berhubung dengan Pegawai Daerah Kubang Pasu yang bertanggungjawab menjalankan Enakmen Tanam Padi Tahun 1335 Hijrah (1917) di tempat berkenaan dan berpendapat bahawa seharusnya tanah-tanah berkenaan ditanam dengan padi.<sup>34</sup>

Manakala Pegawai Tanaman<sup>35</sup> pula memaklumkan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan bahawa beliau tidak mempunyai kuasa untuk memaksa pemilik tanah memugar tanah bendang mereka bagi Daerah Kubang Pasu dan beliau hanya sekadar mampu memberi nasihat semata-mata.<sup>36</sup> Perkara sebenar kemudian hanya menjadi jelas apabila Pegawai Daerah Kubang Pasu memaklumkan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan bahawa hasil lawatan beliau ke Pejabat Tanah pada 28 Rabiulawal 1345 Hijrah (Oktober 1926) mendapati terdapat penduduk yang telah memulakan pengusahaan tanah bendang mereka. Laporan tidak tepat yang dikemukakan oleh Jurutera Negeri pada Jun 1926 tidak mengambil kira faktor bencana kemarau yang teruk yang telah melanda kawasan tersebut sebelumnya.<sup>37</sup> Dalam kes ini, walaupun tidak mempunyai asas undang-undang untuk memaksa orang Melayu di kawasan tersebut untuk memulakan penanaman padi, sebilangan pegawai British yang tidak memahami masalah sebenar, cuba memaksakan kehendak mereka ke atas orang Melayu yang berhadapan dengan masalah bencana alam.

Bagi memastikan orang Melayu kekal dalam penanaman padi, Jabatan Tanah Kedah dalam tempoh 1917-1932 telah melakukan pemantauan secara berkala untuk mengenal pasti tanah-tanah padi yang tidak diusahakan di seluruh Kedah. Kepala Pekerjaan Tanah<sup>38</sup> dari masa ke masa bertindak mengemukakan senarai tanah-tanah bendang yang tidak dipugar pemilik selama tiga tahun di daerah-daerah di seluruh Kedah kepada Setiausaha Kerajaan. Mengambil contoh laporan Kepala Pekerjaan Tanah pada tahun 1345 Hijrah (1926) yang melibatkan Daerah Yan dan Padang Terap, beliau melaporkan bahawa notis-notis telah dikeluarkan kepada para pemilik tanah yang tidak memugar tanah padi menurut Seksyen 57 Enakmen Tanah Tahun 1332 Hijrah (1914). Notis-notis berkenaan memberi tempoh setahun

kepada para pemilik tanah untuk memugar tanah mereka. Sehubungan itu, dengan persetujuan Penasihat Tanah, Kepala Pekerjaan Tanah mengesyorkan pembatalan surat keterangan (dokumen pemilikan) tanah-tanah berkenaan.<sup>39</sup> Perkara ini dibincangkan dalam MN pada 20 Safar 1345 Hijrah (30 Ogos 1926). Hasilnya, MN memberikan tempoh sehingga akhir tahun 1345 Hijrah (Mei-Jun 1927) kepada pemilik-pemilik tanah. Sekiranya masih tidak dipugar, maka kebenaran diberikan kepada Jabatan Tanah untuk membatalkan dokumen pemilikan mereka.<sup>40</sup>

### ***Dasar Pemberian Tanah Padi Baharu***

Walaupun dari satu sudut, Kerajaan Kedah mengutamakan pengusahaan tanah padi dalam kalangan masyarakat Melayu, namun pemberian tanah-tanah padi baharu kepada orang Melayu perlu melalui proses dan penelitian yang mendalam. Ini kerana kepentingan kerajaan perlu didahulukan dalam menilai potensi tanah yang terlibat kepada kerajaan. Sebagai contoh, dasar ini dapat dikesan dalam isu yang timbul pada tahun 1347 Hijrah (1928-1929) apabila Kepala Pekerjaan Tanah menerima permohonan daripada ramai orang Melayu yang mahu membuka tanah bendang di Yan. Terdapat tiga permohonan daripada orang Melayu. Pertama ialah permohonan Abdul Ghani bin Daud bersama 60 orang Melayu bertarikh pada 6 Jamadilakhir 1345 Hijrah (Disember 1926). Kedua, permohonan Lebai Md. Isa bin Haji Idris dan 20 orang Melayu bertarikh 9 Rejab 1345 Hijrah (Januari 1927). Ketiga, permohonan Haji Wan Yahya bin Wan Md. Taib berserta 29 orang Melayu pada 17 Syaaban 1346 Hijrah (Februari 1928).

Tanah yang diperlukan orang Melayu merupakan tanah kerajaan yang perolehi semula daripada seorang Cina bernama Cheng Eng Heng. Tanah berkenaan pada fikiran Kepala Pekerjaan Tanah adalah berharga kepada kerajaan kerana dibeli Kerajaan Kedah pada harga \$30 serelong. Menurut Kepala Pekerjaan Tanah, sekiranya kerajaan meluluskan permohonan-permohonan berkenaan, harga yang akan diambil daripada orang Melayu adalah lebih murah. Bahkan tanah berkenaan sudah digazetkan sebagai Tanah Simpanan Melayu. Oleh itu, Kepala Pekerjaan Tanah bercadang mahu meluluskan permohonan-permohonan tersebut sekiranya tiada halangan daripada pihak kerajaan.<sup>41</sup> Sebelum mengemukakan pandangan lanjut, Penasihat British meminta maklumat harga tanah berkenaan, kepada siapakah tanah akan diberikan dan jumlah keluasan tanah untuk setiap seorang.<sup>42</sup>

Menurut Kepala Pekerjaan Tanah, permohonan daripada beberapa orang pemohon telah ditolak atas alasan tidak cukup umur atau tidak hadir ketika pemeriksaan dilaksanakan. Beliau mencadangkan untuk memberi setiap seorang tiga relong tanah dengan harga \$10 serelong untuk tanah yang bersempadan dengan jalan raya. Manakala \$5 bagi tanah yang selainnya.<sup>43</sup> Satu blok tanah pula akan disimpan untuk tujuan pembinaan sekolah.<sup>44</sup> Memandangkan tanah berkenaan tidak menjadi keutamaan Kerajaan Kedah ketika itu, maka kerajaan membenarkan pengagihan tanah dijalankan.

Berdasarkan usaha dan langkah yang dilaksanakan Kerajaan Kedah dalam hal ehwal tanah padi dalam tempoh 1917-1932, ia berjaya memastikan sebahagian besar orang Melayu mengekalkan kegiatan penanaman padi. Hasilnya, Kedah terus kekal sebagai negeri pengeluar padi terbesar di Tanah Melayu. Ini dapat dibuktikan dalam laporan *Rice Cultivation Committee* yang melakukan lawatan ke Kedah pada tahun 1930, di mana pengerusinya, H. A. Tempany menyatakan:

*Kedah represents the most important padi-growing area in Malaya and, with the exception of Krian, is the only one in which large scale works for the control of water supply have been carried out, while in the matter of productive methods, it is, on the whole, rather more advanced than elsewhere. Kedah will, therefore be taken to represent the most highly developed rice areas in Malaya.*<sup>45</sup>

### **Reaksi Masyarakat Melayu, 1917-1932**

Di sebalik kejayaan Kerajaan Kedah dalam pelaksanaan dasar-dasar tanah padi dalam jangka masa tahun 1917 hingga 1932, ia telah menghasilkan pertembungan yang serius antara kerajaan dengan orang Melayu yang terlibat. Reaksi yang muncul dimanifestasikan melalui bentuk protes dan rayuan melalui surat layang dan petisyen-petisyen yang dikemukakan kepada kerajaan sepanjang tempoh tersebut. Orang Melayu ketika itu sememangnya sudah memahami kepentingan untuk mendapatkan dokumen pemilikan tanah yang sah serta membayar cukai dan sewa tanah sepertimana yang dikehendaki kerajaan. Namun, tindak-tanduk kerajaan terhadap hal ehwal tanah padi mulai tahun 1917, khususnya dasar-dasar pemberian tanah padi serta ketegasan kerajaan telah mewujudkan beberapa bentuk tindak balas orang Melayu, khasnya golongan bawahan. Reaksi yang diperlihatkan adalah melibatkan sekuriti pengusahaan tanah padi, pembukaan tanah padi baharu dan pengendalian isu tanah huma ketika bencana kemarau pada akhir dekad 1920-an. Sebaliknya, golongan elit Melayu menunjukkan penerimaan yang positif terhadap dasar-dasar tanah padi yang dilaksanakan di mana ia memberikan keuntungan berterusan kepada mereka.

### ***Protes Terhadap Pengenaan Denda***

Penentangan pertama terhadap enakmen baharu melibatkan tanah padi yang direkodkan ialah petisyen orang Melayu dalam bulan Oktober 1920. Petisyen berkenaan bagaimana pun tidak menyatakan nama, alamat dan juga tandatangan.<sup>46</sup> Petisyen yang sebenarnya merupakan surat layang ini datang daripada mereka yang menggelarkan diri sebagai “Rakyat Kedah”, membantah denda yang dikenakan kerana tidak mengerjakan tanah bendang. Ketua Majistret bagaimanapun tidak mencadangkan sebarang tindakan susulan diambil berhubung petisyen ini memandangkan ia tidak bernama.<sup>47</sup> Ketika surat layang ini dibincangkan kerajaan, pihak kerajaan mendapati terdapat sebanyak 190 kes melibatkan denda ke atas pemilik tanah yang tidak mengerjakan tanah padi mereka sehingga November 1920.<sup>48</sup>

Contoh protes yang sama dikemukakan kepada kerajaan pada Oktober 1920, apabila Mat Akib bin Mat Aris menghantar satu petisyen yang membantah denda yang dikenakan terhadapnya kerana tidak mengerjakan tanah bendangnya. Dalam bantahannya, Mat Akib mendakwa bahawa tanah bendang tersebut sebenarnya akan diusahakannya. Dakwaan ini disangkal oleh *Harbour Master* dalam laporannya kepada Setiausaha Rendah Kerajaan dan mengesyorkan supaya aduan Mat Akib ini tidak diberi pertimbangan supaya menjadi contoh kepada orang lain.<sup>49</sup> Oleh itu, denda yang dikenakan kepada Mat Akib tidak dibatalkan pihak kerajaan.

### ***Pembukaan Tanah Padi Huma***

Orang Melayu yang mahu membuka tanah padi huma juga meminta kebenaran kerajaan untuk mengusahakan tanaman berkenaan, khasnya selepas pengusahaan bendang tidak mendatangkan hasil. Ia dilakukan bagi mencukupkan keperluan makanan dan mengelakkan daripada berlakunya kebuluran. Misalnya, sekumpulan 21 orang Melayu yang diketuai oleh Abu bin Tong dari Bongkok, Mukim Gurun memohon pas ladang kepada Presiden MN untuk mendapatkan tanah paya dan “darat” kerajaan berjumlah lima relong seorang.<sup>50</sup> Mereka mendakwa bahawa padi bendang yang diusahakan mereka tidak begitu memuaskan. Seterusnya, dalam petisyen ini, kumpulan orang Melayu berkenaan mengancam untuk berpindah ke tempat lain sekiranya permohonan mereka tidak diluluskan kerajaan.<sup>51</sup> Bagaimanapun, Kepala Pekerjaan Tanah dalam laporan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan tidak bersetuju pengeluaran pas ladang bagi tanah berkenaan ekoran terdapat kayu-kayan berharga di atas tanah tersebut. Sebaliknya, Kepala Pekerjaan Tanah mengemukakan alternatif lain dengan memaklumkan terdapat tanah kerajaan seluas 100 relong di Paya Bongor yang boleh dijadikan bendang.

Selanjutnya Kepala Pekerjaan Tanah kemudian telah mengeluarkan arahan kepada Pegawai Tanah supaya mengeluarkan Pas Tumpang untuk tanah di Paya Bongor kepada kumpulan orang Melayu yang terlibat dalam petisyen ini.<sup>52</sup> Setiausaha Rendah Kerajaan akhirnya memaklumkan kepada kumpulan orang Melayu tersebut bahawa kerajaan tidak meluluskan permohonan mereka, sebaliknya mereka boleh mendapatkan tanah bendang di Paya Bongor melalui Pas Tumpang di Pejabat Tanah.<sup>53</sup>

### ***Usaha Mempertahankan Pemilikan Tanah Padi***

Penguatkuasaan undang-undang tanah membolehkan terlucutnya hak para pemohon tanah yang sedang mengusahakan tanah yang mahu dimiliki, jika berlaku pelanggaran syarat-syarat tertentu. Oleh itu, wujud beberapa kes yang menyaksikan orang Melayu berusaha untuk mendapatkan perhatian kerajaan untuk mengekalkan pendudukan mereka seterusnya mendapatkan pemilikan yang sah ke atas tanah padi yang diusahakan. Perkara ini dapat diukur dalam kes Bakar bin Saaid yang mengajukan beberapa petisyen berkaitan tanah bendangnya di Kandal, Mukim Tajar.

Dalam petisyen pertama kepada Pemangku Raja, Bakar memaklumkan bahawa beliau telah memohon untuk memiliki tanah seluas enam relong di Mukim Tajar tersebut di Pejabat Tanah Alor Setar pada 16 Rabiulakhir 1342 Hijrah (26 November 1923) bagi mengerjakan tanaman padi. Bakar mendakwa kakitangan Pejabat Tanah bernama Matt Noor, yang datang memeriksa tanah tersebut telah memberikan kebenaran secara lisan untuk memugar tanah berkenaan. Selanjutnya Matt Noor menyatakan kepada Bakar, apabila notis tuntutan harga tanah daripada Pejabat Tanah Alor Star sampai ke tangan Bakar, pembayaran harga tanah tersebut boleh dilakukan.

Berdasarkan keyakinan daripada jaminan lisan tersebut, Bakar telah menduduki dan memugar tiga relong daripada keluasan tanah berkenaan, bahkan membina rumah di atasnya. Namun apabila kakitangan Jabatan Ukur tiba untuk melakukan kerja ukur pada tanah tersebut pada Muharram 1346 Hijrah (Jun-Julai 1927), Bakar mendapat tahu bahawa tanah tersebut sudah dimiliki oleh Deris bin Abas yang merupakan pemilik tanah bersempadan dengan tanah bendang yang ingin dimilikinya.<sup>54</sup> Dalam penjelasan Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan dalam isu berkenaan, tanah tersebut pada mulanya dimiliki oleh

Lebai Jusoh melalui Permit dan kemudian dijual dalam lelongan kerana pemilik asalnya tidak menjelaskan sewa tanah.

Ketika lelongan ini dilaksanakan, tiada sesiapa pun yang membida tanah tersebut, lantas mengembalikan hak pemilikan tanah tersebut kepada Kerajaan Kedah. Walaupun Bakar bin Saaid kemudiannya memohon untuk mendapatkan tanah tersebut, Kepala Pekerjaan Tanah telah bertindak menetapkan tanah tersebut perlu dijual di dalam lelongan bagi memberikan peluang kepada pemilik asal (Lebai Jusoh) untuk mendapatkannya semula. Kepala Pekerjaan Tanah juga menerangkan bahawa notis bagi melelong tanah berkenaan telah disampaikan kepada Bakar melalui saudara Bakar iaitu Saad.<sup>55</sup>

Berikutnya, Setiausaha Rendah Kerajaan memaklumkan kepada Bakar bahawa beliau tidak mempunyai alasan untuk membuat aduan ini.<sup>56</sup> Bakar sekali lagi menghantar petisyen bertarikh 13 Jamadilawal 1346 Hijrah (8 November 1927) kepada kerajaan dan mendakwa bahawa notis lelongan yang dihantar Pejabat Tanah tidak sampai ke tangannya. Selanjutnya, Kepala Pekerjaan Tanah menjelaskan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan bahawa pihak Pejabat Tanah cuba untuk menolong Bakar memiliki tanah tersebut dengan memaklumkan mengenai lelongan itu. Bagaimanapun, lelongan tanah ini tidak akan terbatal walaupun notis lelongan yang dihantar tidak sampai ke tangan Bakar. Kepala Pekerjaan Tanah selanjutnya melaporkan bahawa lelongan ini telah dijalankan dengan sempurna dan tidak ada sebarang alasan bagi menimbangkan rayuan Bakar.<sup>57</sup> Sehubungan dengan itu, Setiausaha Rendah Kerajaan memberitahu Bakar bahawa kerajaan tidak mempertimbangkan rayuan beliau memandangkan prosedur lelongan telah dilakukan dengan sempurna.<sup>58</sup>

Tidak berputus asa untuk mendapatkan keadilan bagi dirinya, Bakar kemudian telah menghantar satu lagi petisyen kepada Pemangku Raja. Beliau memaklumkan bahawa penerima notis tersebut iaitu Saad, bukanlah saudara-mara beliau, sebaliknya merupakan ipar kepada Deris bin Abas. Bakar mendakwa bahawa notis lelongan tersebut disembunyikan Saad yang berkomplot dengan Deris, memandangkan Deris mahu memiliki tanah yang sudah dibersihkan dan diusahakan itu. Petisyen ini secara jelas menggambarkan kesungguhan Bakar dalam mempertahankan haknya terhadap tanah padi yang sudah diusahakan.<sup>59</sup> Akhirnya Setiausaha Rendah Kerajaan memaklumkan melalui surat kepada Bakar menyatakan dakwaan tidak menerima notis lelongan bukan alasan untuk membatalkan lelongan dan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa dalam perkara ini.<sup>60</sup>

### ***Pencerobohan Tanah***

Walaupun Kerajaan Kedah berjaya memastikan sebahagian besar tanah padi, khususnya tanah bendang diusahakan orang Melayu melalui penguatkuasaan enakmen-enakmen berkaitan dan langkah-langkah secara pentadbiran, bencana kemarau yang melanda pada penghujung dekad 1920-an iaitu sekitar tahun 1929-1930, gagal diatasi pihak kerajaan. Ini menyebabkan berlaku pencerobohan tanah hutan secara berleluasa oleh orang Melayu di seluruh Kedah untuk mengusahakan padi huma. Di Mukim Gurun, seramai 40 orang Melayu dari kawasan Bongkok, Batu 3 dan Batu 5 dilaporkan terlibat dalam tindakan pencerobohan ini. Setiap daripada mereka telah menanam padi huma seluas tiga relong. Akibatnya, mereka didakwa oleh Pejabat Tanah Sungai Petani di Mahkamah Gurun pada 20 Muharram 1349 Hijrah (17 Jun 1930). Mahkamah Gurun kemudian melepaskan mereka daripada dikenakan sebarang denda serta memerintahkan mereka yang berkenaan menanti keputusan pihak kerajaan terlebih dahulu sebelum kembali mengerjakan padi huma.

Berikutannya, pada 24 Muharram 1349 Hijrah (21 Jun 1930), kumpulan orang Melayu berkenaan membuat aduan kepada Pegawai Daerah Sungai Petani berhubung isu pemberhentian pengusahaan padi huma. Kumpulan Melayu yang diketuai Matt Ali kemudian merayu kepada Presiden MN pada 23 Rabiulawal 1349 Hijrah (18 Ogos 1930) supaya membenarkan mereka kembali mengerjakan padi huma.<sup>61</sup> Pada 24 Rabiulawal 1349 Hijrah (19 Ogos 1930), orang Melayu mendapat keputusan Mahkamah Sungai Petani bertarikh 18 Rabiulawal 1349 Hijrah (13 Ogos 1930) yang tidak membenarkan penerusan pengusahaan padi huma. Mereka kemudian merayu pula kepada Penasihat British pada Jamadilakhir 1349 Hijrah (Oktober 1930) dan menyatakan mereka tidak berniat untuk memiliki tanah berkenaan secara kekal, sebaliknya mereka hanya mahu mengerjakan padi huma selama 12 bulan sahaja dan akan meninggalkan tanah-tanah berkenaan setelah padi huma selesai dituai.

Selain itu, mereka meluahkan rasa tidak puas hati memandangkan orang Cina yang mereka dakwa telah menceroboh tanah milik kerajaan tetapi, tidak pula diambil sebarang tindakan. Dalam hal ini, Pejabat Tanah dituduh mengamalkan pilih kasih kerana orang Cina yang terlibat merupakan golongan peniaga (taukeh). Orang Melayu juga mengemukakan bukti pencerobohan tanah oleh orang Cina dengan melampirkan peta kasar.<sup>62</sup> Bagaimanapun, dakwaan ini tidak dijawab Kerajaan Kedah. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pihak kerajaan tidak mudah bertolak ansur dengan tindakan orang Melayu yang melakukan pencerobohan tanah hutan untuk dijadikan tanah padi huma, meskipun berlaku masalah kemarau yang mengancam kehidupan sebahagian orang Melayu ketika itu.

### ***Rayuan Penangguhan Cukai***

Permohonan penangguhan masa pembayaran cukai tanah juga menjadi salah satu bentuk reaksi yang ketara berhubung dasar pencukaaian tanah padi. Reaksi berkenaan muncul secara menyeluruh di Kedah menjelang akhir dekad 1920-an akibat kemarau yang merencatkan penanaman padi. Orang Melayu di Mukim Pering, Kubang Pasu merupakan mereka yang terawal sekali menghantar petisyen kepada Pemangku Raja memohon penangguhan masa untuk membayar cukai tanah dan harga geran tanah yang baru pada 4 Muharram 1349 Hijrah (1 Jun 1930). Dalam hal ini, Kepala Pekerjaan Tanah berpendapat kebenaran penangguhan ini bukan sahaja patut diberikan kepada rakyat di Mukim Pering sahaja, malah diperluaskan kepada seluruh rakyat di Daerah Kubang Pasu. Beliau juga menyatakan bahawa Pejabat Tanah Kubang Pasu harus menghentikan pengeluaran notis yang meminta pembayaran cukai dan harga geran tanah baru sehingga bulan Rejab di mana ketika itu padi yang ditanam boleh dituai.<sup>63</sup> MN yang bersidang pada 2 Rabiulawal 1349 (28 Julai 1930) memutuskan untuk memberi tempoh membayar cukai dan harga geran tanah yang baharu.<sup>64</sup>

Manakala Penghulu Mukim Haji Kudong, Kuala Muda juga memaklumkan kepada Ketua Pejabat Tanah Kuala Muda (yang kemudian memanjangkan perkara ini kepada pihak Setiausaha Rendah Kerajaan Negeri) bahawa rakyat di bawah tanggungjawabnya mengadu masalah mereka yang mengalami masalah kekurangan penghasilan padi dan memohon supaya diberikan penangguhan pembayaran cukai tanah.<sup>65</sup> Rakyat di kawasan Mukim Padang Hang, Daerah Kota Setar pula mengadu kepada Ketua Pejabat Tanah Kota Setar berkenaan masalah padi mereka yang tidak menjadi dan sebagaimana harapan rakyat Kedah di kawasan lain, mereka mengharap agar kerajaan dapat memberikan penangguhan pembayaran cukai tanah.<sup>66</sup> Setelah berbincang dengan Penasihat Tanah, Kepala Pekerjaan Tanah menyatakan kepada Setiausaha Rendah Kerajaan Negeri bahawa kerajaan perlu membenarkan penangguhan pembayaran cukai tanah memandangkan orang Melayu bergantung kepada

tanah bendang berkenaan.<sup>67</sup> Kerajaan Kedah juga menghentikan pengeluaran notis tuntutan cukai tanah ke atas tanah bendang dan kampung di Daerah Langkawi.<sup>68</sup> Manakala tindakan yang sama dilakukan di Daerah Kuala Muda.<sup>69</sup>

### ***Tindakan Elit Melayu***

Berbeza dengan kedudukan orang Melayu kebanyakan yang tidak mempunyai kebebasan untuk membuka dan mengusahakan tanah yang dimiliki, serta terikat pula dengan pembayaran cukai tanah, golongan elit Melayu terus menikmati faedah daripada penerusan keistimewaan yang mereka miliki selepas penguasaan British. Walaupun permohonan tanah berkeluasan besar adalah tertakluk kepada penilaian *Land Alienation Board*, pemberian tanah kepada elit Melayu khasnya kerabat diraja Kedah, tidak menerima sekatan sebagaimana yang dihadapi oleh orang Melayu bawahan. Sebagai contoh, pada tahun 1346 Hijrah (1927-1928), Pemangku Raja, Tunku Ahmad Tajudin telah meminta tanah kerajaan seluas 250 relong di Mukim Gurun kepada Kerajaan Kedah. Berdasarkan laporan Kepala Pekerjaan Tanah berhubung permintaan berkenaan, tanah di kawasan tersebut sebenarnya berada di dalam kawasan *Irrigation Area* dan tidak dibenarkan untuk diberi kepada mana-mana pihak. Bagaimanapun, Kepala Pekerjaan Tanah telah mencadangkan supaya larangan berkenaan dibatalkan dengan syarat ia diberikan kepada Pemangku Raja untuk tujuan pengusahaan tanah bendang. Lanjutannya, MN dalam mesyuarat yang diadakan pada 18 Zulhijjah 1346 Hijrah (Jun 1928) telah meluluskan permintaan tanah ini melalui Jalan Kerabat dengan syarat tanah bendang.<sup>70</sup>

Contoh yang berlaku ini menunjukkan bahawa, sebarang dasar yang ditetapkan oleh kerajaan akan dapat dilonggarkan, bahkan dibatalkan sekiranya bercanggah dengan kehendak golongan elit Melayu. Pembolotan tanah yang dilakukan oleh golongan ini menguntungkan mereka apabila tanah yang diperolehi ini disewakan pula kepada golongan Melayu bawahan untuk diusahakan. Maka sewa tanah yang perlu dibayar oleh orang Melayu bawahan perlu dijelaskan kepada tuan-tuan tanah yang terdiri daripada golongan elit Melayu ini, yang tidak perlu membayar cukai tanah kepada kerajaan untuk tanah padi yang dimiliki mereka. Oleh itu jelas bahawa, dasar Kerajaan Kedah yang memberikan keistimewaan kepada golongan elit Melayu merupakan satu bentuk penerusan keistimewaan yang diwarisi sejak era tradisional lagi. Keadaan ini sekaligus meneruskan legasi cengkaman golongan elit Melayu ke atas tanah padi.

### **Kesimpulan**

Reaksi yang ditunjukkan masyarakat Melayu Kedah terhadap dasar tanah padi ini dalam tempoh 1917-1932 memperlihatkan kewujudan konflik yang ketara antara orang Melayu bawahan dengan Kerajaan Kedah. Secara eksplisit, Kerajaan Kedah telah memaksa orang Melayu untuk mengekalkan kedudukan mereka dalam kegiatan penanaman padi. Meskipun begitu, dasar tanah padi tidak memberikan manfaat menyeluruh kepada kebanyakan orang Melayu memandangkan ia lebih bersifat pemaksaan dan tidak memberikan apa-apa insentif yang dapat menyaingi tanaman komersial lain yang lebih menguntungkan serta dimajukan oleh para pelabur asing di Kedah ketika itu.

Pembentukan sekatan-sekatan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan tanah padi oleh kerajaan mulai tahun 1917 telah membataskan orang Melayu bawahan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi mereka. Mereka bukan sekadar dihalang menukarkan

status tanah padi mereka, bahkan tanah padi baharu tidak lagi bebas untuk dibuka. Orang Melayu bawahan turut berhadapan dengan risiko kehilangan tanah padi yang dimiliki jika gagal menjelaskan cukai tanah kepada kerajaan. Sebagai reaksi, orang Melayu bertindak menyuarakan pelbagai bentuk protes, rayuan dan permohonan kepada kerajaan, malah melakukan pencerobohan untuk memiliki dan mengerjakan tanah padi. Manakala golongan elit Melayu pula mendapat manfaat daripada pemilikan tanah padi kesan daripada dasar pengekal keistimewaan mereka. Mereka dapat meneruskan tradisi pembolotan tanah-tanah baharu, sekaligus mengekalkan golongan ini sebagai tuan-tuan tanah padi yang berpengaruh di Kedah. Justeru, berdasarkan perkembangan yang berlaku tempoh 1917-1932, jelas ia merupakan jangka masa yang begitu kritikal dalam memahami transisi perubahan sosial orang Melayu dalam konteks pemilikan tanah padi di Kedah dan reaksi yang diperlihatkan mereka terhadap perubahan yang berlaku.

## Penghargaan

Kajian ini hasil penyelidikan di bawah geran Universiti Malaya BKS001-2023.

## Nota

<sup>1</sup> Dalam kajian ini, “tanah padi” adalah merujuk kepada dua jenis tanah padi iaitu “tanah padi sawah” atau disebut juga sebagai “tanah bendang” dan “tanah huma”.

<sup>2</sup> Lihat Cheah Boon Kheng, “Feudalism in Pre-Colonial Malaya”, *Journal of Southeast Asia Studies*, Vol. 25, No. 2, 1994. Untuk melihat konsep berkaitan hubungan “Patron-Client” dengan lebih lanjut, lihat Anthony Hall, “Concepts and Terms”, *Journal of the Peasant Studies*, Vol. 1, No. 4, 1974, hlm. 506-509.

<sup>3</sup> Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Perkembangan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1909-1917”, *Sejarah*, No. 22, Bil. 2., 2023, hlm. 118.

<sup>4</sup> Mahani Musa, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 97.

<sup>5</sup> Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923* (Monograph No. 12), Kuala Lumpur: MBRAS, 1984, hlm. 179.

<sup>6</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. Annual Report of the Adviser to the Kedah Government (A. R. A. G. K.) 1328 A. H. (13<sup>rd</sup> January 1910-1<sup>st</sup> January 1911), hlm. 11.

<sup>7</sup> Satu relong bersamaan 0.71 ekar.

<sup>8</sup> C. O. 273/426/28699. Kedah Enactments 7-16 A. H. 1332. Land Enactment 1332, Seksyen 97. Unit kiraan keluasan tanah kedua yang digunakan orang Melayu di Kedah selepas relong. Satu jemba bersamaan dengan 44 kaki.

<sup>9</sup> Ibid., Kedah Enactments 7-16 A. H. 1332. Land Enactment 1332, Seksyen 99.

<sup>10</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. G. K. 1332 A. H. (30<sup>th</sup> November 1913-18<sup>th</sup> November 1914), hlm. 5.

<sup>11</sup> Enakmen Pengecualian Hasil Tanah Tahun 1332 Hijrah (*The Land Revenue Exemptions Enactment, 1332 Hijrah* [1914]).

<sup>12</sup> “Jalan Kerabat” merujuk kepada keistimewaan yang diberikan Kerajaan Kedah kepada Kerabat Diraja untuk mendapatkan tanah secara percuma sehingga maksimum 500 relong.

<sup>13</sup> *Land Alienation Board* ialah satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Kedah pada tahun 1920 khusus untuk mempertimbangkan permohonan tanah berkeluasan melebihi 100 relong.

<sup>14</sup> C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. G. K. 1335 A. H. (28<sup>th</sup> October 1916-17<sup>th</sup> October 1917), hlm. 1.



## Reaksi Orang Melayu Terhadap Pelaksanaan Dasar Tanah Padi Kolonial di Kedah

<sup>15</sup> Dinamakan *The Padi Planting Enactment 1335 Hijrah* (Enakmen No. 10 Tahun 1335). Ia mengandungi 18 seksyen.

<sup>16</sup> The Padi Planting Enactment 1335. Seksyen 3.

<sup>17</sup> Ibid., Seksyen 4.

<sup>18</sup> Ibid., Seksyen 5.

<sup>19</sup> Ibid., Seksyen 6.

<sup>20</sup> The Padi Planting Enactment 1335 Amendment Enactment 1338. (Enactment No. 14 of 1338). Seksyen 2.

<sup>21</sup> Ibid., Seksyen 4.

<sup>22</sup> *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1917 and Appendix*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, 1918. Legal Adviser, "The Rice Lands Enactment, 191, Reading, hlm. B8.

<sup>23</sup> Enakmen ini menjadi Enakmen No. 1 Tahun 1336 Hijrah (1917).

<sup>24</sup> SUK. K. 2853/1335. Padi Lands Enactment. The Rice Lands Enactment, 1336. Seksyen 2 dan Seksyen 3.

<sup>25</sup> Ibid., Seksyen 4.

<sup>26</sup> Ibid., Seksyen 13.

<sup>27</sup> Nurizwanfaizi Bin Nordin, 'Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Pentadbiran Tanah Di Kedah', (Disertasi M. A.), Universiti Malaya, 2014, hlm. 309.

<sup>28</sup> SUK. K. 1482/1340. Exemption of land-rent on ladang lands at Padang Trap for 1340 Hijrah.

<sup>29</sup> SUK. K. 686/1341. Arrears of Land-Tax and Land-Rent In North and South Kedah 1340 Hijrah.

<sup>30</sup> Malay Reservations Enactment 1340. Seksyen 8: The State Council may by rules made under this Enactment:-  
(i) Prescribe premia and quit-rents on lands in any Malay Reservation.

<sup>31</sup> Published as Notification 433 in Gazette of 3-3-27 – 28-8-45, No. 16, Vol. 3, Malay Reservations Enactment 1340, Rules, 3. Land-tax on land not exceeding 20 relongs in Malay Reservations shall be as follows:-

(i) Land alienated for bendang cultivation

(a) In the mukims specified in Schedule 4 Land Enactment 1332 . . . 50 cts. per relong

(b) In the mukims specified in Schedule 5 Land Enactment 1332 . . . 30 cts. per relong

(i) Land alienated for rubber cultivations . . . \$ 1.25 per relong

(ii) Land alienated for cultivation other than bendang or rubber . . . 50 cts. to 75 cts. per relong.

<sup>32</sup> C. O. 273/460/47203. Kedah State Council. Translation of the Minutes of meeting of the Kedah State Council held on the 6<sup>th</sup> Rejab 1335 (28<sup>th</sup> April 1917) together with explanatory notes by the Acting Adviser to the Kedah Government.

<sup>33</sup> SUK. K. 3228/1344. That action be taken to press the owners to cultivate their bendang land within the Kodiang-Sang Lang Irrigation area. S. E. No. 2/732/44, Surat Jurutera Negeri kepada Penasihat British, 12 Jun 1926.

<sup>34</sup> Ibid., Minit Penasihat Tanah kepada Penolong Penasihat British, 17 Jun 1926.

<sup>35</sup> Pegawai Tanaman merupakan jawatan yang merujuk kepada Pegawai Pertanian pada era kolonial di Kedah.

<sup>36</sup> SUK. K. 3228/1344. That action be taken to press the owners to cultivate their bendang land within the Kodiang-Sang Lang Irrigation area. Minit Pegawai Tanaman kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 17 Muharram 1345 Hijrah (Julai 1926).

<sup>37</sup> Ibid., Minit Pegawai Daerah Kubang Pasu kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 1 Rabiulakhir 1345 Hijrah (Oktober 1926).

<sup>38</sup> Kepala Pekerjaan Tanah merupakan jawatan yang merujuk kepada Pengarah Tanah atau *Director of Lands* ketika era kolonial di Kedah.

<sup>39</sup> SUK. K. 335/1345. Reports of non-cultivation of bendang land. Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan.

<sup>40</sup> Ibid., Minit Clerk of Council, 23 Safar 1345 Hijrah (Ogos-September 1926).

- <sup>41</sup> SUK. K. 1213/1347. Asks that the land at Jalan Yen, formerly held by Cheng Eng Heng, be alienated to raayats for padi cultivation. No. 2542/42, Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan, 29 Rabiulakhir 1347 Hijrah. Rujuk juga SUK. K. 1008/1343. Alienation of land at Gurun on the Bigia Road to Cheng Eng Heng in exchange for the land now held by him at Yen. Kerajaan Kedah telah menukarkan tanah Cheng Eng Heng seluas 300 relong di Yan dengan tanah kerajaan di Gurun melalui keputusan MN pada 22 Januari 1925. Tanah di Yan ini sebenarnya milik Syed Mohomed Shahabudin yang diperolehinya pada tahun 1335 Hijrah (1916-1917). Kemudian dibeli oleh Cheng Eng Heng daripadanya pada tahun 1337 Hijrah (1918-1919).
- <sup>42</sup> Ibid., Minit Penasihat British kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 19 Jamadilawal 1347 Hijrah (3 November 1928).
- <sup>43</sup> Ibid., Minit Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 26 Jamadilawal 1347 Hijrah (10 November 1928).
- <sup>44</sup> Ibid., Minit C.C. kepada Penasihat British, 28 Zulhijjah 1347 Hijrah (8 Jun 1929).
- <sup>45</sup> C. O. 717/85. Appendix No. 1. Reports of the Visiting Sub-Committee on the Various States. Kedah, Summarised Report on the Findings of the Rice Cultivation Committee in Relation to Kedah, hlm. 27.
- <sup>46</sup> SUK. K. 589/1339 Complain of the fines imposed on them for leaving "Bendang Lands" uncultivated. Minit Paper, *Harbour Master* kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 1 Rabiulawal 1339 Hijrah (November 1920).
- <sup>47</sup> Ibid., Minit, Chief Magistrate, 18 November 1920.
- <sup>48</sup> Ibid., Minit, 11 Rabiulawal 1339 Hijrah (November 1920).
- <sup>49</sup> SUK. K. 802/1339. Petitions against the fine imposed on him for leaving "Bendang land" uncultivated. Minit Harbour Master kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 2 Rabiulakhir 1339 Hijrah (Disember 1920).
- <sup>50</sup> SUK. K. 1759/1341. Apply for Ladang Licences. Surat Abu bin Tong dan lain-lain kepada Presiden MN, 26 Rejab 1341 Hijrah (14 Mac 1923).
- <sup>51</sup> Ibid., Surat Abu bin Tong dan lain-lain kepada Presiden MN, 26 Rejab 1341 Hijrah (14 Mac 1923).
- <sup>52</sup> Ibid., Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 20 Jun 1923.
- <sup>53</sup> Ibid., Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Abu bin Tong dan lain-lain, 19 Zulkaedah 1341 Hijrah (3 Julai 1923).
- <sup>54</sup> SUK. K. 591/1346. Concerning bendang land at Kandal in Mukim Tajar. Surat Bakar bin Saaid kepada Pemangku Raja, 15 Safar 1346 Hijrah (14 Ogos 1927).
- <sup>55</sup> Ibid., Laporan Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan.
- <sup>56</sup> Ibid., Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Bakar bin Saaid, 25 Rabiulakhir 1346 Hijrah (22 Oktober 1927).
- <sup>57</sup> Ibid., Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan, 12 Syaaban 1346 Hijrah (4 Februari 1928).
- <sup>58</sup> Ibid., Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Bakar bin Saaid, 21 Ramadan 1346 Hijrah (13 Mac 1928).
- <sup>59</sup> Ibid., Surat Bakar bin Saaid kepada Pemangku Raja, 6 Shawal 1346 Hijrah (28 Mac 1928).
- <sup>60</sup> Ibid., Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Bakar bin Saaid, 13 Zulkaedah 1346 Hijrah (3 Mei 1928).
- <sup>61</sup> SUK. K. 910/1349. Permission to cultivate hill padi on State land, in Mukim Gurun, opened up by them. Surat Matt Ali bin Ngah kepada Presiden MN, 23 Rabiulawal 1349 Hijrah (18 Ogos 1930).
- <sup>62</sup> Ibid., Surat Matt Ali bin Ngah kepada Penasihat British, 16 Jamadilakhir 1349 Hijrah (8 November 1930).
- <sup>63</sup> SUK. K. 51/1349. Ask for time to pay land rent and cost of new titles. Pinta tempohan hendak bayar hasil tanah dan harga surat keterangan baharu. Minit Kepala Kerajaan Kedah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan Negeri, 10 Safar 1349 Hijrah (7 Julai 1930).
- <sup>64</sup> Ibid., Petisyen Senawi bin Lebai Samat, 30 Rabiulawal 1349 Hijrah (25 Ogos 1930).
- <sup>65</sup> Ibid., Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Rendah Kerajaan Negeri, 12 Rabiulawal 1349 Hijrah (7 Ogos 1930).
- <sup>66</sup> Ibid., Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan Rendah Negeri, 22 Rabiulawal 1349 Hijrah (17 Ogos 1930).

<sup>67</sup> Ibid., Kepala Pekerjaan Tanah Kedah Kepada Setiausaha Kerajaan Kedah, 2 Rabiulakhir 1349 Hijrah (27 Ogos 1930).

<sup>68</sup> Ibid.

<sup>69</sup> Ibid.

<sup>70</sup> SUK. K. 2943/1346. Tenku Ahmed Tajudin applies for 250 relongs of State land in Mukim Gurun. Surat Setiausaha Rendah Kerajaan kepada Kepala Pekerjaan Tanah, 6 Muharram 1347 Hijrah (25 Jun 1928).

## Rujukan

- Anthony Hall. "Concepts and Term." *Journal of the Peasant Studies*, Vol. 1, No. 4, 1974.
- C. O. 273/426/28699. Kedah Enactments 7-16 A. H. 1332. Land Enactment 1332.
- C. O. 273/460/47203. Kedah State Council. Translation of the Minutes of meeting of the Kedah State Council held on the 6<sup>th</sup> Rejab 1335 (28<sup>th</sup> April 1917) together with explanatory notes by the Acting Adviser to the Kedah Government.
- C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. Annual Report of the Adviser to the Kedah Government (A. R. A. G. K.) 1328 A. H. (13<sup>rd</sup> January 1910-1<sup>st</sup> January 1911).
- C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. G. K. 1332 A. H. (30<sup>th</sup> November 1913-18<sup>th</sup> November 1914).
- C. O. 716. Kedah Perlis Sessional Papers. A. R. A. G. K. 1335 A. H. (28<sup>th</sup> October 1916-17<sup>th</sup> October 1917).
- C. O. 717/85. Appendix No. 1. Reports of the Visiting Sub-Committee on the Various States. Kedah, Summarised Report on the Findings of the Rice Cultivation Committee in Relation to Kedah.
- Cheah Boon Kheng. "Feudalism in Pre-Colonial Malaya". *Journal of Southeast Asia Studies*. Vol. 25, No. 2, 1994.
- Enakmen Pengecualian Hasil Tanah Tahun 1332 Hijrah (*The Land Revenue Exemptions Enactment, 1332 Hijrah* [1914]).
- Gazette of 3-3-27 – 28-8-45, No. 16, Vol. 3, Malay Reservations Enactment 1340.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurizwanfaizi Bin Nordin. 2014. 'Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Pentadbiran Tanah Di Kedah'. (Disertasi M. A.). Universiti Malaya.
- Nurizwanfaizi Nordin dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2023. "Perkembangan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1909-1917". *Sejarah*, No. 22, Bil. 2.
- Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1917 and Appendix. 1918*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office.
- Sharom Ahmat. 1984. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923* (Monograph No. 12). Kuala Lumpur: MBRAS.
- SUK. K. 2853/1335. Padi Lands Enactment. The Rice Lands Enactment. 1336.
- SUK. K. 589/1339 Complain of the fines imposed on them for leaving "Bendang Lands" uncultivated.
- SUK. K. 802/1339. Petitions against the fine imposed on him for leaving "Bendang land" uncultivated.
- SUK. K. 1482/1340. Exemption of land-rent on ladang lands at Padang Trap for 1340 Hijrah.
- SUK. K. 686/1341. Arrears of Land-Tax and Land-Rent In North and South Kedah 1340 Hijrah.

SUK. K. 1759/1341. Apply for Ladang Licences.

SUK. K. 3228/1344. That action be taken to press the owners to cultivate their bendang land within the Kodiang-Sang Lang Irrigation area.

SUK. K. 335/1345. Reports of non-cultivation of bendang land. Surat Kepala Pekerjaan Tanah kepada Setiausaha Kerajaan.

SUK. K. 591/1346. Concerning bendang land at Kandal in Mukim Tajar.

SUK. K. 2943/1346. Tenku Ahmed Tajudin applies for 250 relongs of State land in Mukim Gurun.

SUK. K. 1213/1347. Asks that the land at Jalan Yen, formerly held by Cheng Eng Heng, be alienated to raayats for padi cultivation. SUK. K. 1008/1343. Alienation of land at Gurun on the Bigia Road to Cheng Eng Heng in exchange for the land now held by him at Yen.

SUK. K. 51/1349. Ask for time to pay land rent and cost of new titles. Pinta tempohan hendak bayar hasil tanah dan harga surat keterangan baharu.

SUK. K. 910/1349. Permission to cultivate hill padi on State land, in Mukim Gurun, opened up by them.

The Padi Planting Enactment 1335 Amendment Enactment 1338.

The Padi Planting Enactment 1335.